

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

RMT 553 Pengurusan Projek II

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Sistem sosial cenderung ke arah memperkembangkan aktiviti-aktivitinya secara progresif dan akan mencapai tahap pembezaan dalaman yang lebih tinggi.

Bagaimanakah Fenomena ini dapat digunakan untuk menerangkan keperluan mencapai lebih integrasi dalam rekabentuk dan pengeluaran bangunan?

(25 Markah)

2. Perancangan korporat boleh dilihat sebagai satu pendekatan yang sistematik untuk mengurus perhubungan antara organisasi dan alam persekitarannya.

Bincangkan pernyataan di atas dengan merujukan kepada penggunaan perancangan korporat dalam organisasi tertentu dalam industri binaan.

(25 Markah)

3. Nyata dan bincangkan 12 konsep utama sistem dengan merujuk kepada industri binaan.

Bagaimanakah teori sistem dan kontingensi dapat digunakan untuk menerangkan suasana industri binaan terutama pada tahap organisasi dan pengurusan projek binaan?

(25 Markah)

...2/-

4. Buat analisis terhadap faktor-faktor yang boleh mempengaruhi matlamat dan nilai sesebuah organisasi. Beri komen terhadap peranan "keuntungan" dan "profesionalisme".

(25 Markah)

5. (a) Takrifkan "projek" dan "pengurusan projek".
(b) Terangkan (bersertakan lakaran) perbezaan antara organisasi "firma" dengan organisasi "projek".
(c) Jika suatu "Jawatankuasa Projek" diperlukan oleh klien, tunjukkan bagaimana Jawatankuasa tersebut berhubung dengan klien dan pengurus projek dalam organisasi projek.

(25 Markah)

6. (a) Terangkan dengan ringkas tentang latarbelakang, tujuan dan jenis-jenis usahasama dalam industri binaan.
(b) Bincangkan LIMA (5) sebab kenapa penggunaan usahasama meningkat.

(25 Markah)

-00000000-